

8 MAR 1996

Ling-Komuter

LANDASAN KERETA API BERKEMBAR HUBUNGAN MALAYSIA DENGAN SINGAPURA

JOHOR BAHRU, 8 Mac (Bernama) -- Keretapi Tanah Melayu (KTM) Berhad akan membina landasan kereta api berkembar ke Tanjung Pagar di Singapura sebagai lanjutan kepada KTM Komuter yang dijangka dilaksanakan di sini akhir tahun ini.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata landasan itu merupakan projek tambahan kepada laluan Kulai - Senai - Johor Baharu yang diumumkan tidak berapa lama dahulu.

Beliau berkata rundingan sedang dibuat oleh kerajaan Malaysia dengan Singapura mengenai pengambilalihan tanah dan untuk meminta kebenaran memindahkan paip air yang ada di Tambak Johor bagi membolehkan pembinaan satu lagi landasan.

"Tender bagi projek itu akan dikeluarkan pertengahan tahun ini dan dijangka siap dan boleh digunakan pada 1988," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pusat Sumber Projek Langkawi di Flet Lumba Kuda di sini hari ini.

Dr Ling berkata kereta api Komuter dijangka akan menjadi pilihan terbaik kepada orang ramai yang ingin ke republik itu dan sebaliknya.

Mengenai cadangan projek kereta api elektrik Singapura - Kuming di China, beliau berkata antara masalah yang dikenal pasti menghalang pelaksanaannya dengan segera ialah ketiadaan landasan dan pergolakan yang berlaku di negara terbabit termasuk Kemboja dan Vietnam.

Beliau berkata landasan antara Singapura - Malaysia - Bangkok sudah wujud tetapi tidak terdapat landasan yang menghubungkan bandar Poipet di sempadan Thailand dengan bandar Saisaphon di Kemboja sejauh 48 km yang dikuasai puak Khmer Rouge.

Katanya, antara Saisaphon dengan Phnom Penh telah wujud landasan kereta api tetapi dari Phnom Penh ke Ho Chi Minh di Vietnam sejauh 240 km masih belum ada landasan kereta api manakala dari bandar itu ke Kuming di China tidak ada masalah.

Malaysia telah dilantik sebagai pengerusi jawatankuasa khas untuk mengkaji cadangan itu yang dikemukakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Bangkok pada 16 Dis lepas.

Terdahulu semasa berucap, Ling yang juga Presiden MCA berkata projek Langkawi anjuran parti itu akan terus menghulurkan bantuan kepada semua lapisan masyarakat terutama dalam meningkatkan mutu pendidikan.

Beliau berkata sehingga ini lebih daripada 100 buah pusat sumber telah didirikan oleh MCA di seluruh negara dan ia akan diteruskan mengikut kemampuan tabung yang sekarang ini berjumlah kira-kira RM20 juta. --

BERNAMA

MH NMO